

Usaha *Utusan Malaysia*, UKM perkasa bidang sastera negara

Bintang-Bintang Berpuisi II, Sabtu ini

Oleh **NURFARHANA MOHAMED**

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 17 MEI

PERANAN *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia* sebagai akhbar yang mempunyai pengaruh besar dalam kalangan ahli masyarakat tidak pernah terhenti.

Acara Bintang-Bintang Berpuisi adalah antara program hebat terbitan akhbar berkenaan dalam usaha untuk membawa masyarakat, khususnya pelajar dalam memaknakan lagi erti hidup dan kehidupan, manusia dan kemanusiaan.

Bintang-Bintang Berpuisi yang mula dianjurkan pada 2015, kini kembali lagi menerusi siri kedua.

Majlis yang dinamakan Bintang-Bintang Berpuisi II itu sekali lagi mendapat kerjasama daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang akan berlangsung pada Sabtu ini mulai pukul 10 pagi.

Menerusi acara yang dilihat sebagai salah satu cara memperkasakan bidang sastera negara, penonton juga akan berpeluang menyaksikan ahli politik, ahli akademi, budayawan seni dan artis terkenal memperlihatkan bakat dalam deklamasi puisi.

Bertemakan Obor Perjuangan, para deklamator akan menyampaikan puisi dengan penuh penghormatan dan semangat kemanusiaan.

Antara barisan artis yang akan menceriakan majlis yang berlangsung di bangunan Canselor, UKM, Bangi, Selangor itu ialah Najwa



ZURINAH HASSAN



SITI NORDIANA



FIZZ FAIRUZ

Latif, Fizz Fairuz, Anis Al-Idrus, Siti Nordiana dan Projector Band.

Menurut **Fizz**, 36, dia sememangnya teruja untuk menyertai program ini memandangkan kali pertama dia tampil sebagai deklamator puisi.

"Sebelum ini saya tak pernah lagi ada peluang untuk baca puisi tapi selepas menerima undangan daripada *Utusan Malaysia* sendiri, saya sahut cabaran itu. Saya memilih puisi *Tok Janggut*, karya penulis handalan, Allahyarham Rahimidin Zahari.

"Sesuai dengan tema Obor Perjuangan, saya akan cuba sampaikan dengan sebaiknya dan membawa penonton menghayati isi kandungan puisi berkenaan sedalam-dalamnya,"katanya.

Tok Janggut adalah karya yang dianggap sebagai *masterpiece* milik Rahimidin, karyawan yang cukup terkenal dalam bidang puisi-puisi kemanusiaan itu.

Sementara itu penyanyi **Siti Nordiana**, 31, berkata, dia akan menyampaikan puisi berkisar tentang perjuangan kaum wanita yang banyak menyumbang kepada ke-

harmonian negara Malaysia yang kita cintai ini.

"Sumbangan kaum wanita juga sememangnya tidak ternilai dalam usaha membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan moden seperti hari ini. Justeru, puisi yang akan saya sampaikan itu nanti khusus buat mengenang wanita-wanita hebat yang sentiasa memberi dorongan kepada insan lain,"jelasnya.

Turut mendeklamasikan puisi pada majlis itu ialah Sasterawan Negara, Datuk Dr. Zurinah Hassan dan Pengarah Doktrin Latihan Tentera Darat, Kolonel Radzi Abdul Hamid yang akan menyampaikan puisi ciptaan mereka sendiri.

Antara tetamu kehormat lain ialah Pengarah Urusan Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Noordin Abbas; Ketua Pengarang Kumpulan, Datuk Abdul Aziz Ishak; Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa UKM, Prof. Datuk Dr. Riza Atiq Abdullah O.K. Rahmat.